

Headline	FRIM tawar kepakaran bantu landskap dan eko pelancongan di Labuan		
MediaTitle	Wilayahku		
Date	24 Apr 2021	Color	Full Color
Section	News	Circulation	50,000
Page No	19	Readership	100,000
Language	Malay	ArticleSize	272 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	MYR 1,585
Frequency	Weekly	PR Value	MYR 4,755



FRIM tawar kepakaran bantu landskap dan eko pelancongan di Labuan

PERBADANAN Labuan (PL) ditawarkan kepakaran teknikal dan khidmat nasihat Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) bagi usaha meningkatkan pengurusan landskap dan pokok ameni di Pulau Bebas Cukai itu bagi merealisasikan sebagai wilayah lestari.

Menurut Ketua Pegawai Eksekutifnya, **Dr Fary Akmal Osman**, kesepakatan itu dicapai menerusi perbincangan di antara pihaknya dengan Ketua Pengarah FRIM Dr Khail Aziz Hamzah semasa kunjungan hormat ke institusi itu baru-baru ini.

Katanya, FRIM telah bersetuju akan membuka pusat penyelidikannya di Labuan yang dijangka akan melebarkan tanggungjawab dan peranan FRIM di kawasan timur Malaysia.

"PL dan FRIM bersetuju akan mengadakan Memorandum Persefahaman (MoU) bagi merealisasikan hasrat murni ini termasuklah dalam meningkatkan pengurusan dan pembangunan eko pelancongan di kawasan paya bakau Kinabenuwa," katanya dalam satu kenyataan baru-baru ini.

Hadir sama, Pengarah Jabatan Perkhidmatan Perbandaran PL Datuk Dr Othman Che Jusoh,

Pengarah Bahagian Perhutanan dan Alam Sekitar FRIM Dr Ismail Parian.

Jelas beliau lagi, pihak FRIM turut mencadangkan untuk membangunkan skywalk di Kinabenuwa dan menjadikan sebagai tarikan produk pelancongan yang baharu.

Justeru itu, beliau berharap agar pihak FRIM dapat memberikan khidmat nasihat dan kepakaran teknikal dalam menambah baik Taman Botani Labuan dari segi pengurusan landskap dan koleksi penanaman dan landskap pantai serta pulau sekitar Labuan. **WK**



FARY (dua kiri) menyerahkan cenderahati kepada Khail (dua kanan) semasa kunjungan rasmi PL ke FRIM, baru-baru ini.